

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
(SHAH ALAM)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pelaburan 1MDB di Pulau Cayman telah mendapat pulangan sepenuhnya dan apakah pelaburan tersebut telah dibawa pulang ke negara ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan dana yang diuruskan oleh pengurus dana yang berdaftar di bawah pengawasan badan kawal selia iaitu Cayman Monetary Authority telahpun ditebus sepenuhnya. Penebusan dana tersebut merangkumi pelaburan utama (atau *principal*) yang ditebus melalui dua *tranche* dan keuntungan

pelaburan.

2. Penebusan *tranche* pertama USD1.215 bilion telah digunakan untuk membayar faedah hutang, *working capital* dan lain-lain komitmen yang berjadual manakala *tranche* kedua sebanyak USD1.103 bilion masih disimpan dalam bentuk mata wang asing dan akan digunakan untuk memenuhi pembayaran balik beberapa pinjaman dalam mata wang asing yang dijadualkan pada tahun ini.

3. Penebusan keuntungan yang berjumlah USD329 juta pula telah digunakan untuk membayar faedah hutang serta lain-lain komitmen yang berjadual.